



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI RABU : 29 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.12 HINGGA NO. 49)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2017

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peruntukan telah diberi kepada Indah Water Konsortium (IWK) tiap-tiap tahun sejak 2009 dan apakah hasil pulangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dari tahun 2009 hingga tahun 2016, Kerajaan telah menyalurkan subsidi kepada Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) berjumlah RM1.574 bilion atau secara purata RM200 juta setahun. Pemberian subsidi ini bertujuan untuk menampung kos operasi bagi menyelenggara lebih 11,000 buah loji rawatan kumbahan dan stesen pam serta 18,000 kilometer rangkaian pembetungan yang tidak dapat

ditampung dengan pendapatan dari tarif sedia ada.

Sebagai contoh, berdasarkan penyata kewangan belum diaudit, kos operasi IWK untuk tahun 2016 adalah berjumlah RM881 juta berbanding pendapatan RM659 juta. Ini berlaku kerana tarif semasa bagi perkhidmatan pembetungan adalah jauh lebih rendah daripada kos menyediakan perkhidmatan pembetungan. IWK beroperasi dalam keadaan defisit akibat pertambahan kos operasi yang meningkat setiap tahun sedangkan tarif tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1994.

Walau bagaimanapun, peruntukan subsidi ini telah memberi pulangan dan manfaat khususnya kepada rakyat dan secara amnya kepada negara dan alam sekitar dari aspek-aspek berikut:

- a. Pemuliharaan alam sekitar - Jumlah Loji Rawatan Kumbahan (LRK) yang mematuhi piawaian pelepasan efluen di bawah Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meningkat daripada 5,146 LRK (95%) pada tahun 2009 kepada 6,318 LRK (97%) pada tahun 2016.
- b. Liputan penduduk setara (PE) - Rekod IWK menunjukkan peningkatan liputan dari 18.1 juta PE pada tahun 2009 kepada 23.9 juta PE pada tahun 2016 iaitu peningkatan sebanyak 5.8

juta PE bersamaan 32%.

- c. Kualiti perkhidmatan - Peningkatan kualiti perkhidmatan pementungan kepada pengguna di mana jumlah aduan terhadap kualiti operasi IWK telah menurun dari 12.0 aduan/1,000 pelanggan pada tahun 2009 kepada 10.1 aduan/1,000 pelanggan pada tahun 2016.
- d. Kecekapan operasi - Kecekapan operasi IWK telah meningkat di mana kos bagi satu(1) akaun sebulan telah berkurangan dari RM20.72 (tahun 2015) kepada RM19.56 (tahun 2016).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM (SARATOK)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 29.03.2017

Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan dalam menjamin pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BRIM) diberikan hanya kepada mereka yang layak memandangkan bahawa terdapat mereka yang mungkin tidak layak juga menerima bantuan BRIM dan adakah pihak Kerajaan sedar bahawa ada penagih dadah/penjenayah yang turut menerima bantuan tersebut yang mana seharusnya tidak berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Kewangan melalui agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan membuat semakan semula permohonan BR1M termasuk penerima sedia ada pada setiap tahun. Cara ini adalah bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M. Disamping itu, Kerajaan juga melaksanakan proses verifikasi secara menyeluruh pada setiap tahun dengan membuat semakan data-data bersama pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Ketika ini, proses verifikasi yang dilaksanakan tidak dapat mengenal pasti sama ada penerima yang lulus tersebut penjenayah mahupun penagih dadah. Namun, Kementerian Kewangan amat mengalu-alukan sebarang aduan/ maklumat tambahan daripada rakyat. Sebarang aduan boleh dibuat melalui surat ataupun hadir sendiri ke pejabat LHDN.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]

TARIKH : 29.3.2017

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang telah diambil akibat masalah kewangan yang dihadapi oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk memperbaiki kerosakan mesin OMR sehingga menyebabkan pengumuman keputusan SPM 2016 terpaksa ditunda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyelesaikan masalah teknikal berkaitan mesin *Optical Mark Reader* (OMR) dan memastikan semua proses penyediaan data keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di semua peringkat adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Langkah segera yang diambil oleh KPM dapat menjamin keputusan SPM yang dikeluarkan adalah tepat serta mempunyai darjah kesahan yang tinggi selaras dengan prinsip kredibiliti dan integriti KPM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 29.3.2017

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini mengenai pengiktirafan sijil UEC dan apakah rancangan Kementerian bersama Dong Zong untuk membincangkan masalah berkaitan sijil tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa isu berkaitan pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) perlu dilihat serta difahami secara menyeluruh dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaannya adalah menerusi satu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan negara

melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Manakala UEC pula adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian semenjak tahun 1975 menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina.

Sehubungan dengan itu, pendirian KPM adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara kita perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Sebagai kesimpulannya, KPM mengambil maklum bahawa kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan sijil UEC masih kekal *status quonya* sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 29.3.2017

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil sekiranya laporan tular yang melaporkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ditunda akibat masalah mesin pemprosesan pembaca tanda optik (OMR).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berjaya menyelesaikan masalah teknikal berhubung mesin *Optical Mark Reader* (OMR) dan memastikan semua proses penyediaan data keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di semua peringkat adalah mengikut prosedur yang ditetapkan. Langkah segera yang diambil oleh KPM dapat menjamin keputusan SPM yang dikeluarkan adalah tepat serta mempunyai darjah kesahan yang tinggi selaras dengan prinsip kredibiliti dan integriti KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat masalah teknikal mesin tersebut telah sampai ke pengetahuan awam berpunca daripada penularan satu surat yang diedar secara dalaman dan terhad. Walau bagaimanapun, KPM telah mengeluarkan kenyataan media yang menyatakan keputusan SPM akan diumumkan pada 16 Mac 2017. Dalam kes ini, KPM masih menjalankan siasatan atas kes penularan surat tersebut dan tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan hasil siasatan. KPM juga sedang menilai semula prosedur operasi standard supaya perkara ini dapat dibendung pada masa akan datang.

RJM81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EDIN
(RANAU)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 29.03.2017

Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [RANAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) berikutan dengan Pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967, berapa banyakkah entiti pelaburan badan keagamaan yang telah dikenakan cukai serta jumlah cukai yang dikutip setakat ini; dan

(b) setakat ini, berapakah jumlah dana yang telah diberikan kepada badan-badan keagamaan (Bukan Islam) untuk tujuan pembinaan, kerja-kerja membaik pulih dan penyelenggaraan rumah ibadat mereka.

JAWAPAN

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

a) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan perenggan 13(1)(b) Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2017. Pindaan ini bertujuan untuk menumpukan layanan pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan institusi atau organisasi keagamaan yang semata-mata bagi maksud aktiviti penyembahan (*worship*) atau pengembangan (*advancement*) agama sahaja. Susulan daripada pindaan tersebut, suatu perjumpaan bersama persatuan rumah ibadat dengan Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah diadakan di Kementerian Kewangan untuk memberi penjelasan lanjut mengenai pindaan tersebut.

Mengenai maklumat berhubung entiti badan keagamaan yang telah dikenakan cukai pendapatan serta jumlah cukai yang dikutip bagi tahun taksiran 2017, ia hanya dapat disediakan dan dimuktamadkan selepas institusi atau organisasi keagamaan mengembalikan borang nyata cukai pendapatan kepada LHDNM selepas April 2018.

b) Bagi tempoh 2012 hingga 2016, kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM99.32 juta kepada badan-badan keagamaan (Bukan Islam) untuk tujuan pembinaan, kerja-kerja membaik pulih dan penyelenggaraan rumah ibadat.

Penyaluran peruntukan khas ini adalah diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri mengikut peraturan dan garis panduan semasa yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 29 MAC 2017

RUJUKAN : 9681

SOALAN :

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) peruntukan tahunan untuk program deradikalisasi yang telah dilaporkan mempunyai kadar kejayaan setinggi 97.5 peratus oleh Menteri Dalam Negeri di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2016; dan
- (b) aktiviti-aktiviti dan petunjuk-petunjuk prestasi utama program deradikalisasi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian mengguna pakai peruntukan sedia ada bagi menjalankan program deradikalisasi. Walau bagaimanapun, program deradikalisasi bersepadu dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Penjara Malaysia serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke atas tahanan POCA, POTA serta banduan SOSMA di Pusat Pemulihan Khas (PPK), Tempat Tahanan Khas (TTK) dan Pusat Koreksional.

Bagi menjawab soalan (b) pula, aktiviti dan program ke atas tahanan radikal telah dilaksanakan secara bersepadu oleh KDN, Jabatan Penjara Malaysia dan PDRM berpandukan kepada Modul Deradikalisasi Bersepadu Untuk Penganas meliputi modul keagamaan, kaunseling dan keselamatan negara. Secara umumnya, tahanan memberi kerjasama dan maklum balas yang baik mengenai program deradikalisasi yang dilaksanakan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2017

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memastikan kejatuhan nilai Ringgit ketika ini tidak memberi kesan yang besar kepada kadar inflasi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan inflasi serta mengurangkan impak terhadap kos hidup golongan berpendapatan pertengahan dan rendah. Inflasi bagi 2016 adalah pada kadar 2.1%, sama seperti kadar inflasi pada tahun sebelumnya. Sementara itu, inflasi pada bulan Januari 2017 telah meningkat kepada 3.2% sebahagiannya disebabkan oleh kesan

daripada harga minyak mentah global yang semakin pulih.

2. Penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Walau bagaimanapun, kesannya terhadap kadar inflasi diimbangi oleh sumbangan sederhana wajaran barangan import daripada keseluruhan permintaan domestik. Barangan import (tidak termasuk petrol dan diesel) hanya mencakupi 6.4% daripada Indeks Harga Pengguna (IHP).

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 4.3% berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan aliran dana yang didorong oleh faktor luaran. Faktor-faktor tersebut termasuklah jangkaan kenaikan kadar faedah AS, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah dunia, kebimbangan terhadap kadar pertumbuhan ekonomi dan ketidaktentuan pasaran kewangan di China. Selain itu, ketidaktentuan politik di UK, kawasan Euro dan AS, juga telah menjejaskan permintaan terhadap aset dalam pasaran sedang pesat membangun.

4. Dalam menangani penyusutan nilai ringgit dalam jangka masa pendek, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran matawang asing tidak terjejas bagi membolehkan kegiatan ekonomi

berjalan dengan lancar. Pada masa yang sama, kedudukan rezab Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah USD95 bilion akan terus menjadi penampan kepada turun naik yang berlebihan dalam pasaran kewangan.

5. Pada hujung tahun 2016, BNM juga telah memperkukuh semula peraturan sedia ada untuk menghalang penglibatan insitansi kewangan berlesen tempatan dalam aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF). Langkah ini bertujuan untuk membendung aktiviti spekulatif NDF dalam pasaran luar persisir yang telah memberikan kesan negatif terhadap pasaran pertukaran asing dalam negara. Pada masa yang sama, BNM akan terus menyediakan mudah tunai di pasaran tempatan bagi memastikan keadaan pasaran yang stabil dan teratur.

6. Walaupun negara kita merupakan pengeksport bersih dan mencatatkan lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran, perolehan eksport dalam matawang asing tidak ditukar kepada ringgit, lalu menyebabkan ketidakseimbangan di dalam permintaan dan penawaran ringgit di pasaran pertukaran asing. Bagi membendung masalah ini, Jawatankuasa Pasaran Kewangan, bersama BNM, juga telah mengambil langkah-langkah untuk

menggalakkan pasaran perlindungan nilai dan mengatasi ketidakseimbangan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri, termasuk mewajibkan penukaran hasil eksport dalam mata wang asing ke ringgit.

7. Dalam menangani cabaran semasa, Kerajaan akan sentiasa memastikan pasaran pertukaran mata wang asing tidak terjejas bagi memastikan kegiatan ekonomi kekal mapan dan inflasi kekal terkawal.

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN

TARIKH : 29 MAC 2017

RUJUKAN : 9680

SOALAN:

Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kos harian bagi menanggung setiap banduan di penjara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perbelanjaan dan kos yang ditanggung oleh Kerajaan bagi seorang banduan di penjara adalah sebanyak RM35.00 sehari. Perbelanjaan ini meliputi kos penyediaan makanan, peralatan, pakaian, kesihatan, latihan, perhubungan, bekalan air, bekalan elektrik, emolumen kakitangan, program pemulihan dan lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 21

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kualiti pelekat cukai jalan kenderaan agar ianya tidak mudah luntur tulisannya dan tidak mudah tercabut apabila dilekatkan pada cermin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Disk Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau Cukai Jalan sedia ada telah diperkenalkan pada tahun 2002. Disk berbentuk pelekat ini diperkenalkan bagi menggantikan disk LKM bentuk kertas yang diguna pakai sebelum ini. Ianya direka dengan ciri-ciri keselamatan bagi memastikan LKM tersebut tidak mudah dipalsukan, tidak disalahgunakan, tidak mudah diganggu usik atau ditanggal dan dialihkan dari satu kenderaan ke satu kenderaan yang lain. Di antara ciri-ciri keselamatannya adalah seperti berikut:

- a) tingkap *Kinegram*;
- b) tingkap *Intaglio*;
- c) label berpelekat bersama *slit* keselamatan (*security slits*); dan
- d) panel berbentuk 'L' untuk cetakan butiran LKM berlatarbelakangkan rekabentuk keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sememangnya memantau kualiti disk LKM berbentuk pelekat ini dan sentiasa mengadakan sesi perbincangan dengan pembekal disk LKM berkenaan bagi menambahbaik tahap kualiti disk LKM tersebut khususnya dari aspek kualiti dakwat pencetak. Walau bagaimanapun, sekiranya disk LKM sesebuah kenderaan mengalami kerosakan dalam tempoh LKM tersebut berkuatkuasa, proses gantian boleh dilakukan oleh pemilik kenderaan tersebut di mana-mana pejabat JPJ tanpa dikenakan sebarang caj.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING

TARIKH : 29 MAC 2017

RUJUKAN : 9679

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Sabah dalam keadaan yang selamat atau tidak atas pembongkaran Menteri Dalam Negeri bahawa adanya "Sulu Komander" yang berada di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri Sabah dan sama ada mereka yang dikatakan "Sulu Komander" di seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri Sabah ini sudah ditangkap dan dihukum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tindakan mana-mana individu yang cuba menggugat keselamatan negara terutamanya oleh rakyat Malaysia dengan penglibatan orang luar.

Kementerian ini melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang mengenal pasti individu tertentu di Sabah yang telah dilantik oleh pemimpin Kesultanan Sulu bagi meneruskan agenda menuntut Sabah dari Malaysia. PDRM telah menahan seramai 16 orang warganegara Malaysia dan 12 orang warganegara Filipina pada tahun 2016.

Kerajaan memberi jaminan bahawa Sabah akan terus berada dalam keadaan aman dan selamat. Langkah-langkah dan kawalan keselamatan sentiasa diperketat oleh setiap agensi yang bertanggungjawab. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan proaktif melalui strategi-strategi berikut:

- (i) mewujudkan rangkaian kerjasama strategik antara Kementerian/Agensi Kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, JPM, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan;**

- (ii) memperkasa ESSCOM dengan penambahan keanggotaan dan aset-aset keselamatan serta meneruskan Arahan Perintah Berkurung;**
- (iii) mengadakan kawalan dan operasi berterusan di darat dan perairan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia;**
- (iv) menyelaraskan dan meningkatkan sistem pengurusan keselamatan negara dalam aspek perisikan, penguatkuasaan dan penglibatan pasukan keselamatan; dan**
- (v) melaksanakan pelan pengurusan krisis sebagai persediaan daripada sebarang ancaman penganasan.**

Selain itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi menambah baik aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti penganasan yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**
- (ii) mengadakan kerjasama erat dengan agensi perisikan bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti seumpamanya sebelum dipanjangkan kepada agensi-agensi keselamatan untuk tindakan lanjut;**

- (iii) meningkatkan kemampuan dan kepakaran teknologi sedia ada; dan**
- (iv) mengadakan kerjasama dengan semua Agensi/Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 29 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]**

SOALAN :-

YB DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH EMBAS [BETONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah rizab Gas Asli di Malaysia kini dan apakah jumlah rizab Gas Asli di Sarawak.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rizab Gas Asli di Malaysia adalah sebanyak 16.7 Bilion tong minyak setara (Bboe), bersamaan dengan 100.4 Trilion standard kaki padu (Tscf). Bagi Negeri Sarawak, jumlah rizab Gas Asli adalah sebanyak 8.8 Bilion tong setara minyak (Bboe), bersamaan dengan 52.9 Trilion standard kaki padu (Tscf). Usaha-usaha berterusan sentiasa dilakukan oleh PETRONAS bagi mencari sumber baru minyak dan gas.

Sekian, terima kasih.

29 Mac 2017

SOALAN (24)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 29 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB. UST DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]**

SOALAN :-

YB. Ust Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan bagi membangunkan prasarana dan fasiliti bomba dan penyelamat di Kuala Nerus seiring dengan pertumbuhan pesat kawasan perumahan, industri dan Institut Pengajian Tinggi di kawasan itu.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memohon sebidang tanah bagi pembinaan sebuah balai bomba di Padang Nenas, Kuala Nerus yang terletak 2 kilometer dari kawasan perumahan, industri dan Institut Pengajian Tinggi yang dimaksudkan. Proses pemilikan tapak tanah tersebut dijangka dapat diselesaikan pada Oktober 2017 dan Kementerian akan memohon projek pembinaan balai bomba pada tahun 2018 dalam Rancangan Malaysia Ke-11 Rolling Plan Ke-3.

Pada masa ini, kawasan tersebut mendapat perlindungan kebombaian dari Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Nerus dan 2 buah Pasukan Bomba Sukarela iaitu Pasukan Bomba Sukarela Seri Nerus dan Pasukan Bomba Sukarela Kuala Nerus dengan jarak di antara 5 hingga 10 kilometer ke kawasan tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

TARIKH : 29 MAC 2017

SOALAN :

YB Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes muflis yang telah direkodkan sepanjang tempoh 2014 - 2016 yang berpunca daripada pembiayaan peribadi serta apakah strategi Kerajaan dalam mengurangkan kadar hutang isi rumah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), seramai **60,396 orang** diisytiharkan mufliis bagi tahun 2014 hingga 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai **16,267 orang (26.9 %)** diisytiharkan mufliis disebabkan kegagalan menjelaskan pinjaman peribadi. Jumlah ini dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun iaitu seramai 4,906 orang (30.2 %) pada tahun 2014, 5,228 orang (32.1 %) pada tahun 2015 dan 6,133 orang (37.7 %) pada tahun 2016.

Kerajaan melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia telah mengadakan pelbagai program kesedaran berkaitan kebangkrupan terutamanya implikasi kebangkrupan kepada semua supaya dapat menangani masalah ini di peringkat awal lagi. Pada masa yang sama, AKPK menyediakan khidmat nasihat secara percuma untuk membantu golongan tersebut menguruskan kewangan mereka dengan lebih teratur.

Selain itu, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) turut merancang untuk meluaskan jaringan hubungan kerjasama dengan badan berkanun dan badan bukan Kerajaan melalui penganjuran Hari Bersama Mdl, *Consultative Meeting* bersama Rakan-Rakan Strategik Mdl, Aktiviti CSR yang dijalankan di cawangan-cawangan Mdl dan program jerayawara yang akan

menyasarkan orang awam bagi meningkatkan kesedaran akan masalah keberhutangan yang serius.

Tuan Yang di-Pertua,

Ketika ini, Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] memperuntukkan empat (4) kaedah atau cara bagaimana seseorang yang telah diisytiharkan bankrap dapat keluar dari kebankrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360;
- (iii) pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360; dan
- (iv) komposisi (*composition*) atau skim perkiraan (*scheme of arrangement*) hutang di bawah seksyen 26 Akta 360.

Kerajaan berhasrat memperkenalkan peruntukan alternatif (melalui pindaan Akta 360) sebelum perintah kebankrapan diberikan oleh mahkamah yang mana penghutang diberi peluang menyusun semula hutang dengan kerjasama pihak pemiutang atau institusi kewangan berasaskan kerangka perundangan insolvensi seperti perkiraan sukarela individu (*Individual Voluntary Arrangement – IVA*). Alternatif ini diharapkan dapat mengurangkan kes kebankrapan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 26

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan jalan raya, kematian dan kos kewangan kepada negara bagi tahun 2015 dan 2016 dan langkah-langkah untuk meningkatkan keselamatan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM Bukit Aman, jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2015 adalah sebanyak 489,606 yang melibatkan kematian sebanyak 6,706 orang. Manakala bagi tahun 2016 pula, jumlah kemalangan telah meningkat kepada 521,466 dan yang melibatkan kematian adalah 7,152.

Menurut kajian daripada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), kemalangan jalan raya di Malaysia dianggarkan membawa kerugian kepada negara sebanyak RM1.2 juta bagi setiap orang yang terbunuh dalam kemalangan, RM120,000 kerugian bagi setiap orang yang cedera parah dan RM12,000 kerugian bagi setiap orang yang mengalami cedera ringan.

Pada tahun 2016, Malaysia dianggarkan telah mengalami kerugian sebanyak RM9.21 bilion akibat kemalangan jalan raya, iaitu peningkatan sebanyak RM0.5813 bilion berbanding tahun 2015 (RM8.6287 bilion).

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan keselamatan di jalan raya, Kementerian ini melalui MIROS dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan

yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;

Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;

Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambahbaik dari semasa ke semasa dengan mengambilkira maklumbalas daripada *stakeholders* berkaitan dan pendekatan yang digunapakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System (AwAS)* sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught (POBC)* ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit akan dilaksanakan semula dalam masa yang terdekat setelah aspek perundangan dan pelaksanaan didapati teratur.

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain itu, Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) telah digubal semula berasaskan *learning outcome based* di mana penekanan akan diberikan terhadap aspek kognitif (*cognitive*), kemahiran (*psychomotor*) dan sikap (*affective*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI DR HAJI
IRMOHIZAM BIN IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 29 MAC 2017

SOALAN :

Dato' Sri Dr Haji Irmohizam Bin Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan strategik yang telah dirangka bagi menuntut semula kedaulatan ke atas Pulau Batu Putih menerusi penemuan tiga dokumen terkini daripada National Archives Of United Kingdom dan sejauhmanakah kandungan dokumen tersebut mampu untuk memenangi tuntutan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah memfailkan permohonan semakan terhadap keputusan kes tersebut di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 2 Februari 2017.

Buat masa ini, pihak ICJ telah memaklumkan kepada pihak Singapura mengenai permohonan semakan tersebut. Pada ketika ini, Malaysia masih menunggu pihak Singapura mengemukakan pemerhatian bertulis (*written observation*) kepada permohonan semakan yang dikemukakan oleh Malaysia.

Tindakan Peguam Negara memfailkan permohonan semakan ini berdasarkan keyakinan bahawa penemuan fakta baharu akan mendapat pertimbangan seadilnya daripada ICJ memandangkan fakta baharu yang ditemui tersebut tidak diketahui oleh ICJ ketika penghakiman dibuat.

Terdapat tiga keterangan baharu yang ditemui antara 4 Ogos 2016 hingga 30 Januari 2017 iaitu surat-menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura dalam tahun 1958, laporan mengenai suatu kejadian yang difailkan oleh seorang pegawai tentera laut Britain dalam tahun 1958 dan peta berserta catatan mengenai operasi tentera laut dari tahun 1960-an.

Ketiga-tiga keterangan yang ditemui tersebut telah dirujuk kepada Peguam Diraja (*Queen's Counsels*) yang berpandangan bahawa Malaysia mempunyai asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan memfailkan permohonan semakan keputusan ICJ 2008 bagi mendapatkan kembali kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HUSIN
[PENGGALAN CHEPA]

TARIKH : 29 MAC 2017

SOALAN

DR. HAJI IZANI BIN HUSIN minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** apakah penyelesaian kepada masalah pengguna yang dikenakan caj lebih tinggi oleh Tenaga Nasional Berhad apabila berlakunya penukaran kepada sistem meter digital.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pengguna tidak dikenakan caj lebih tinggi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila berlakunya penukaran meter daripada meter lama analog kepada meter baharu digital. Peningkatan dalam bil elektrik pengguna yang berlaku apabila penukaran meter dibuat adalah kerana meter digital merekodkan bacaan elektrik yang lebih tepat berbanding meter analog. Ini menyebabkan ramai pengguna beranggapan bahawa TNB mengenakan caj yang lebih tinggi apabila penukaran meter dibuat dari meter analog kepada meter digital.
2. Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan jumlah bil yang dikenakan oleh TNB, pengguna boleh mengemukakan aduan mengikut saluran yang telah disediakan oleh TNB. Sekiranya masih tidak berpuas hati dengan penjelasan TNB, pengguna boleh mengemukakan aduan kepada Suruhanjaya Tenaga untuk siasatan lanjut.

3. Bagi membantu pengguna menyelesaikan isu caj elektrik yang tinggi, pengguna disyorkan menggunakan elektrik dengan cekap dan berhemah. Maklumat lanjut berhubung kawalan dan nasihat penjimatan menggunakan elektrik boleh didapati di laman sesawang TNB.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[BN (UPKO) – PUTATAN]

TARIKH : 29 MAC 2017

SOALAN : 29

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) apakah hubungan kerja antara Kerajaan Malaysia dan Filipina dalam isu penghantaran balik rakyat Filipina atas pelbagai sebab kesalahan; dan
- b) berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia dalam isu ini dan apa pula tindakan Kerajaan ke atas isu penghantaran balik rakyat asing seperti Indonesia, China dan lain-lain negara atas kesalahan yang sama.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai agensinya dan Kerajaan Filipina melalui Kedutaan Filipina mempunyai hubungan kerja yang amat baik dan kondusif dalam pengurusan penghantaran balik rakyat Filipina yang didapati berada di negeri Sabah secara tidak sah. Kedutaan Filipina memberikan respon dan tindakan yang sewajarnya terhadap pengeluaran *Travel Documents* (TD) seperti menghantar pasukan khas bergerak ke Sabah bagi mempercepatkan proses pengeluaran TD, meneliti isu-isu dan memberi keutamaan kepada orang tahanan yang mempunyai penyakit kronik dan keperluan anak-anak kecil.

- b) Kerajaan Malaysia turut mengambil tindakan menghantar pulang rakyat asing dari Indonesia, China dan lain-lain negara yang didapati berada di negeri Sabah secara tidak sah. Kerajaan Malaysia turut mendapatkan kerjasama daripada Kedutaan Indonesia melalui konsulnya di Sabah dalam urusan penghantaran pulang rakyatnya. Begitu juga dengan rakyat dari negara lain, Kerajaan Malaysia akan memastikan mereka pulang ke negara asal mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak RM 5,139,037.30 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Malaysia dalam penghantaran pulang PATI dari Sabah ke negara asal. Perbelanjaan ini meliputi pengangkutan bas antara Pusat-pusat Tahanan Sementara ke pelabuhan-pelabuhan, serta pengangkutan feri ke negara asal iaitu Indonesia dan Filipina.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (30)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 29 MAC 2017
[RABU]
DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

SOALAN :-

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca kegagalan Model Baharu Ekonomi menjelang 2020.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, objektif jangka panjang Model Baharu Ekonomi ialah supaya negara menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuannya yang tersendiri. Model berkenaan berpaksikan kepada tiga matlamat utama iaitu negara yang berpendapatan tinggi, mempunyai ciri-ciri keterangkuman (*inclusiveness*) dan kemampunan (*sustainability*). Ketiga-tiga komponen utama ini telah diterapkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 (RMKe-10) dan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11) bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan inklusif untuk dinikmati oleh semua rakyat negara ini.

Dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebagai pelengkap kepada program-program pembangunan yang lain, negara telah berjaya mencatat pertumbuhan purata tahunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 4.6 peratus dalam tempoh 2009 hingga 2016 dalam suasana persekitaran ekonomi yang mencabar. Manakala, kadar inflasi kekal

terkawal dan kadar pengangguran kekal rendah. Dengan pengukuhan asas ekonomi ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat sebanyak 3.8 peratus setahun daripada RM25,322 pada tahun 2009 kepada RM37,733 pada tahun 2016.

Selaras dengan pembangunan inklusif, kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan daripada 3.8 peratus daripada isi rumah kepada 0.6 peratus pada tahun 2014. Sementara itu, jurang pendapatan juga semakin mengecil seperti yang ditunjukkan oleh pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.403 pada tahun 2014. Dalam tempoh yang sama, jurang pendapatan isi rumah di antara kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dengan kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus (T20) telah mengecil dari 1:6.94 (2009) kepada 1:5.64 (2014).

Bagi tempoh 2017-2020, dasar dan program Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pengukuhan sumber pertumbuhan ekonomi yang mampan termasuk pembangunan modal insan, peningkatan dalam produktiviti serta kreativiti dan inovasi. Kerajaan juga akan meneruskan pendekatan pembangunan secara holistik, dengan memberi tumpuan utama kepada aspek peningkatan dalam kualiti hidup rakyat,

keterangkuman bagi membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan negara sepenuhnya, dan kemampunan dengan memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi akan datang sepertimana yang telah digariskan dalam Model Baharu Ekonomi.

Pencapaian dari aspek sosial turut penting, iaitu dari segi mengekalkan kemakmuran, amalan demokrasi dan perpaduan serta mengukuhkan keutuhan nilai moral dan etika, sifat liberal dan bertolak ansur, dan pemeliharaan institusi kekeluargaan.

Justeru, semua pihak perlulah bersama-sama merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk terus mengekalkan prestasi pembangunan yang baik dan tingkatkan semangat patriotisme kepada negara, serta tidak melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan ekonomi, kesejahteraan dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.

29 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 29 MAC 2017

SOALAN :

YB. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah bentuk kawalan yang diambil pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kewujudan syarikat pelancongan tidak berdaftar terutamanya yang menyediakan pakej umrah yang dilihat mengambil kesempatan terhadap pengguna.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani masalah kes-kes penipuan pakej umrah serta kewujudan agensi pelancongan tidak berdaftar terutama yang mengendalikan pakej umrah, pihak kementerian telah menubuhkan Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU) pada 2014. MKSU berperanan sebagai badan penyelaras untuk mengawal selia perkara-perkara berhubung dengan pengendalian pakej umrah serta bertindak sebagai pusat sehati terhadap sebarang aduan yang berkaitan dengan pengendalian pakej umrah daripada orang ramai.

MKSU bertujuan mengambil beberapa inisiatif bagi mengatasi masalah kewujudan agensi pelancongan tidak berlesen, mengawal dan mencegah kes-kes penipuan pakej umrah mahupun pakej-pakej pelancongan serta menambahbaik mutu bukan sahaja kualiti perkhidmatan pengendalian pakej umrah dan pakej-pakej pelancongan secara umumnya.

Bagi mengawal dan mencegah kewujudan agensi pelancongan tidak berdaftar yang mengendalikan pakej umrah, pihak Kementerian melalui MKSU telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi menghapuskan aktiviti yang tidak bermoral ini :

(i) **Meningkatkan Aktiviti Pemantauan Dan Penguatkuasaan**

Aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan juga telah dipertingkatkan terutamanya di lapangan terbang utama iaitu KLIA dan KLIA 2 bagi memantau operasi dan mengambil tindakan ke atas agensi atau individu tidak berlesen. Sepanjang tahun 2016, sebanyak **673 pemeriksaan** telah dibuat terhadap agensi pengendali umrah dan **13** daripadanya didapati tidak mempunyai lesen atau tidak dilesenkan dalam bidang *outbound*. Tindakan siasatan di bawah AIP 1992 telah dan sedang diambil terhadap agensi ini dan Kementerian memastikan tindakan maksimum dikenakan terhadap agensi terlibat.

(ii) **Pembatalan Lesen / Tindakan Mahkamah ke atas agensi pelancongan yang bekerjasama dengan agensi atau individu tidak berlesen**

Untuk makluman, kewujudan agensi atau individu tidak berlesen yang menawarkan pakej umrah adalah berpunca dari wujudnya aktiviti penjualan visa oleh agensi pelancongan berlesen kepada agensi atau individu tidak berlesen berkenaan. Tindakan di bawah Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 boleh dikenakan kepada dua-dua pihak seperti berikut:

- a. **Agensi berlesen** – kompaun tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Namun tindakan **pembatalan lesen** akan dibuat terhadap agensi berlesen kerana menjadi punca wujudnya agensi tidak berlesen yang mengendalikan pakej umrah.

b. **Agensi tidak berlesen** – Tindakan kompaun sebanyak RM50,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(iii) **Pemantauan Ke Atas Pengiklanan Melalui Media Sosial**

Bermula Ogos 2016 sehingga Januari 2017, sebanyak **51 permohonan** untuk menyekat laman web agensi tidak berlesen telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan sebanyak **28 laman web** telah disekat manakala 23 lagi dalam tindakan SKMM. Ini adalah bagi memantau secara berterusan dan menyekat aktiviti pemasaran dan promosi menerusi media sosial oleh agensi atau individu tidak berlesen yang mudah mempengaruhi masyarakat menerusi platform media sosial.

(iv) **Hebahan Awam dan Kempen Kesedaran Umrah**

Program hebahan dan kesedaran awam dilaksanakan dengan giat melalui pelbagai saluran seperti kempen kesedaran mahupun penyebaran maklumat menerusi media massa. Kempen kesedaran umrah menyasarkan penyampaian maklumat kepada masyarakat di peringkat akar umbi dengan kehadiran pemimpin-pemimpin tempatan yang terdiri daripada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Menerusi kempen ini, masyarakat diberi panduan bagaimana mengenal pasti agensi pelancongan berlesen dengan MOTAC dan kesan yang akan dihadapi sekiranya membeli pakej umrah dengan syarikat yang tidak berlesen.

Kementerian juga giat mengadakan sidang media, kenyataan akhbar, temubual di televisyen dan radio bagi memastikan

masyarakat terus diberi kesedaran mengenai kepentingan memilih agensi pengendali umrah berlesen. Maklumat-maklumat dan panduan yang berkaitan juga dimuatnaik dalam laman sesawang www.motac.gov.my dan www.jawhar.gov.my bagi memudahkan masyarakat mendapat maklumat yang tepat dengan cara yang pantas.

(v) **Kerjasama Strategik Pelbagai Jabatan dan Agensi**

Hasil hubungan kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah berjaya melumpuhkan skim pelaburan Mecca Fund iaitu sindiket pelaburan haram yang turut menawarkan pakej umrah percuma dan “pakej umrah tajaan” yang dianjurkan oleh entiti yang tidak berdaftar yang dikenali sebagai Yayasan Bakti Negara Terengganu (YBNT).

Semoga inisiatif yang dilaksanakan ini akan terus menjadi alat bagi mengekang kewujudan agensi pelancongan atau individu tidak berlesen yang mengendalikan pekej dan menyediakan orang awam dengan pengetahuan dalam membuat pilihan semasa ingin membeli pekej umrah dan seterusnya hanya berurusan dengan agensi pelancongan yang berlesen dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
(KLUANG)**

**TARIKH : 29.03.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang projek pembinaan Littoral Mission Ship :-

- (a) Nama-nama syarikat-syarikat dari China dan Malaysia yang terlibat; dan
- (b) Mengapa reka bentuk China dipilih dan permintaan spesifikasi teknikal kapal ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perolehan empat (4) buah LMS adalah melalui pelantikan Boustead Naval Shipyard (BNS) sebagai kontraktor utama dan China Shipbuilding & International Offshore Co. Ltd (CSOC) sebagai sub kontraktor.

Reka bentuk kapal LMS yang bakal dibina tidak menggunakan reka bentuk dari China sepenuhnya. Reka bentuk ini telah dibangunkan secara bersama oleh TLDM, BNS dan CSOC dengan menggunakan konsep *Fit for Purpose*. Reka bentuk yang dibangunkan ini adalah memenuhi spesifikasi keselamatan, operasi, teknikal serta piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Hasan Bin Arifin [Rompin]

TARIKH : 29 Mac 2017 (Rabu)

**SOALAN : Dato' Hasan Bin Arifin [Rompin]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
apakah perancangan jangka panjang
Kerajaan dalam menangani defisit
imbangan perdagangan makanan yang
melebihi RM18 bilion setahun dan
apakah pendekatan dasar makanan
negara dalam memastikan tahap
keselamatan makanan negara adalah
terjamin.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian Indeks Jaminan Bekalan Makanan Global tahun 2016 (*The Global Food Security Index – GFSI*) yang dijalankan oleh *The Economist Intelligence Unit*, Malaysia telah diletakkan di tangga ke-35 daripada 113 buah negara. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain dalam senarai GFSI, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-35, iaitu di bawah Singapura yang berada pada kedudukan ke-3, tetapi mendahului kedudukan negara Thailand (ke-51), Vietnam (ke-57), Indonesia (ke-71), Filipina (ke-74), Myanmar (ke-80), Cambodia (ke-89) dan Laos (ke -103).

Jaminan bekalan makanan atau *food security* sesebuah negara akan tercapai apabila 4 komponen berikut dipenuhi:

- (i) ketersediaan (*availability*) bekalan makanan bagi memenuhi permintaan. Penawaran bekalan boleh dicapai sama ada melalui pengeluaran dalam negara, import dan simpanan stok;
- (ii) akses (*accessibility*) iaitu capaian fizikal terhadap bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehinya (*affordability*);
- (iii) keselamatan dan khasiat (*safety and nutrition*) di mana bekalan makanan perlu dipastikan selamat dan berkhasiat; dan
- (iv) kestabilan (*stability*) iaitu bekalan makanan boleh diperolehi pada setiap masa.

Dalam hubungan ini, bagi mengukuhkan jaminan bekalan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terus meningkatkan pengeluaran dalam negara bagi menampung bekalan dan meningkatkan SSL melalui:

- (i) pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (ii) pembangunan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;
- (iii) mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2 dan MARDI 284, mekanisasi dan automasi; mengurangkan kerugian lepas tuai; serta peningkatan intensiti tanaman; dan
- (iv) menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda.

Akses terhadap bekalan makanan dengan harga yang berpatutan ditingkatkan melalui pewujudan lebih banyak ruang pasaran langsung seperti Pasar Tani, Pasar Nelayan, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia. Dalam masa yang sama, tumpuan diberikan supaya hasil pengeluaran dalam negara adalah selamat dan bernutrisi dengan memperluaskan Amalan Pertanian Baik seperti

persijilan MYGap, akreditasi halal serta meningkatkan mutu pengedaran, pembungkusan dan pelabelan.

Kekurangan pengeluaran tempatan bagi memenuhi permintaan dalam negara juga ditampung melalui import bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate*, gandum, gula dan sediaan gula.

Sungguhpun demikian, Kementerian terus melaksanakan strategi bagi memperbaiki imbalan dagangan makanan negara dan supaya tidak terlalu bergantung kepada import melalui:

- i) pelaksanaan projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan potensi eksport yang baik di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium;
- ii) pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
- iii) pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import makanan ternakan.

Pada tahun 2016, imbalan dagangan makanan negara adalah lebih baik di mana defisit telah berjaya dikurangkan kepada negatif RM16.6 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 29 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB. DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

SOALAN :-

YB. Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kempen kitar semula berjaya setakat ini dan adakah penjualan beg plastik sebanyak 20 sen pada hari Sabtu sahaja memberi kesan kebaikan kepada kesedaran dan isu pencemaran alam sekitar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kempen 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) yang menyeluruh melibatkan semua lapisan masyarakat telah dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan amalan tersebut. Kempen ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang menyeluruh, bersepadu dan mampan. Antara program-program 3R yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

a) Ceramah dan pameran

- Sebanyak 659 sesi ceramah dan 360 sesi pameran telah dijalankan.

b) Program 3R di pra-sekolah dan tadika

- Sebanyak 319 program telah dijalankan melibatkan 9,570 orang murid dan sebanyak 72,389.50 kilogram sisa kitar semula berjaya dikumpul.

c) Program 3R di sekolah

- Sebanyak 1,412 program kitar semula telah dijalankan menerusi Kelab Kitar Semula dengan penglibatan 16,944 orang pelajar dan berjaya mengumpul sebanyak 793,735.50 kilogram sisa kitar semula.

d) Program 3R di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

- Sebanyak 49 program 3R telah dijalankan bersama-sama penglibatan mahasiswa dari pelbagai IPT.

e) Program 3R di peringkat komuniti

- Pihak kerajaan telah menjalankan 644 program *engagement* dan kitar semula di kawasan perumahan dan sejumlah 213,628.55 kilogram sisa kitar semula telah berjaya dikutip.

f) Program 3R di agensi kerajaan

- Sebanyak 179 program telah dijalankan di agensi kerajaan dengan kutipan sisa kitar semula sebanyak 1,065,691.35 kilogram.

g) Program Drive-Thru 3R

- Pihak kerajaan juga telah mengadakan 53 program kitar semula sehenti (*3R@Drive-Thru*) dan berjaya mengumpul sejumlah 930,196.13 kilogram sisa kitar semula.

h) Program 3R bersama pihak industri

- Sebanyak 74 program yang melibatkan sektor swasta telah dijalankan.

Selain itu, pertandingan Sculpture 3R dan Pertandingan Kitar Semula Sekolah-Sekolah (PerKiSS) juga dijalankan secara tahunan bagi meningkatkan kesedaran mahasiswa dan pelajar berhubung aspek kitar semula.

Inisiatif pengamalan 3R ini diperkukuh dan diperluaskan melalui pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca yang bermula pada 1 Jun 2016 seiring dengan usaha mendidik masyarakat di negara ini untuk menguruskan sisa pepejal secara berhemah.

Secara umumnya, menerusi pembudayaan amalan 3R yang menyeluruh akan menyumbang kepada impak berikut:

- a) Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan;
- b) Mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal;
- c) Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan;
- d) Meningkatkan kadar kitar semula negara;
- e) Menjana sumber ekonomi negara melalui industri kitar semula; dan
- f) Mentransformasikan minda masyarakat ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau.

Melalui pemantauan ke atas jumlah sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan juga telah menunjukkan penurunan sebanyak 10.2% atau 358,489 tan setahun seperti berikut:

JUMLAH SISA YANG DILUPUSKAN		JUMLAH DENGURANGAN	PERSATUS DENGURANGAN
Tahun 2016 (Januari – Disember)	3,141,155 tan	358,489 tan	10.2%
Tahun 2015 (Januari – Disember)	3,499,644 tan		

Ini menunjukkan tahap kesedaran masyarakat mengenai pengasingan sisa pepejal dan amalan 3R telah meningkat.

Pada masa yang sama, pelaksanaan program-program 3R dan pengasingan sisa pepejal telah berjaya meningkatkan jumlah sisa kitar semula yang mana berdasarkan kajian yang telah dijalankan, terdapat peningkatan iaitu dari 15% pada tahun 2015 kepada 17% pada tahun 2016.

Pencapaian ini juga selaras dengan kajian yang telah dijalankan bersama Universiti Malaya pada tahun 2014 yang menunjukkan terdapat peningkatan terhadap amalan kitar semula dari 71.8% (tahun 2009) kepada 86% (tahun 2014). Impak yang positif ini dijangka dapat mencapai sasaran kadar kitar semula yang ditetapkan bagi tahun 2020 iaitu sebanyak 22%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah mengenakan penjualan beg plastik sebanyak 20 sen (pada setiap hari Sabtu) telah diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada 1 Januari 2011.

Berdasarkan maklum balas daripada KPDNKK, objektif utama Kempen Kurangkan Penggunaan Beg Plastik yang diadakan pada setiap hari Sabtu adalah untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kepentingan menjaga alam sekitar.

Kempen ini, dapat mendidik pengguna untuk memainkan peranan mereka dalam mengurangkan pencemaran dan secara tidak langsung mendapatkan persekitaran yang bersih dan selamat bagi generasi yang akan datang. Sebagai alternatif, pengguna digalakkan untuk menggunakan beg guna semula (*reusable bag*) yang dilihat dapat menyumbang kepada pengurangan bahan buangan dalam jangka masa panjang.

Kempen ini juga dapat menerapkan nilai dan amalan pengguna yang baik (*good consumer values*) yang seharusnya dipraktikkan secara berterusan agar menjadi budaya dalam masyarakat pengguna di Malaysia.

Dalam hal ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) secara dasarnya bersetuju dengan kempen tanpa beg plastik ini yang memberi kesan yang baik kepada alam sekitar. Bagaimanapun, kaedah alternatif perlu diberi kepada masyarakat seperti

pemberian beg boleh guna semula dan sebagainya bagi memberi ruang kepada pengguna yang membuat pembelian yang tidak dirancang.

Walau bagaimanapun, inisiatif untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal dan pemuliharaan alam sekitar tidak seharusnya bergantung semata-mata kepada pengharaman penggunaan sesuatu produk atau pengenaan caj kepada pengguna, tetapi ia perlu ditangani secara holistik dan bersepadu yang turut melibatkan peniaga dan pengilang.

Untuk rekod, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kementerian bersama pihak perunding pada tahun 2013, mendapati jumlah sisa plastik yang dilupuskan di tapak pelupusan adalah sebanyak 12.6%. Manakala kajian yang dijalankan pada tahun 2015 hingga 2016 menunjukkan berlaku peningkatan kepada 19% bagi sisa plastik yang dilupuskan di tapak pelupusan yang mana 3% adalah dari produk plastik (*plastic rigid*), 15% dari produk *plastic film* dan *plastic foam* sebanyak 1%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]
TARIKH : 29 MAC 2017 [RABU]
SOALAN : 35

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah perbelanjaan R&D negara dari tahun 2000 hingga 2016 berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP). Adakah kemajuan aktiviti R&D negara setanding dengan negara-negara lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menggubal Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) untuk memacu Malaysia ke arah sebuah negara yang lebih kompetitif dan cekap melalui asas sains, teknologi dan inovasi (STI) yang kukuh. Dasar ini menggariskan hala tuju pelaksanaan STI bagi mewujudkan sebuah negara maju sains untuk transformasi sosio-ekonomi dan pertumbuhan inklusif.

Pelbagai langkah dasar telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan perbelanjaan kasar R&D (GERD) untuk mencapai sekurang-kurangnya 2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) menjelang 2020.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan tahunan Negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada tahun 2000 adalah sebanyak RM1,671.5 juta dan telah meningkat kepada RM13,971.6 juta pada tahun 2014. Manakala bagi perbelanjaan R&D berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) pada tahun 2000 adalah sebanyak 0.50% dan telah meningkat kepada 1.26% pada tahun 2014.

Berdasarkan laporan *International Institute for Management Development World Competitiveness Yearbook (WCY)*, Malaysia kini berada pada kedudukan 31 iaitu pada paras peratusan 1.26% GDP. Negara-negara maju seperti Korea kini berada pada kedudukan pertama (4.29%) dan Jepun pada kedudukan ketiga (3.59% GDP), manakala kedudukan negara ASEAN seperti Singapura pula berada pada kedudukan 15 (2.20% GDP), Thailand berada pada kedudukan 51 (0.48% GDP), Filipina berada pada kedudukan 58 (0.14% GDP) dan Indonesia berada pada kedudukan 59 (0.08%).

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kini ke arah mencapai kemajuan aktiviti-aktiviti R&D setanding dengan negara-negara lain sama ada aktiviti R&D di peringkat asas atau pra-pengkomersialan. MOSTI sebagai kementerian yang menumpukan kepada aktiviti R&D pra-pengkomersialan turut menyediakan skim pembiayaan R&D seperti Dana Sains, Dana Pra-Pengkomersialan

(TechnoFund dan InnoFund) dan Dana Pengkomersialan yang meliputi *Commercialisation of Research and Development Fund (CRDF)*, *Technology Acquisition Fund (TAF)* dan *Biotechnology Commercialisation Fund (BCF)*. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak 418 paten telah difailkan, 133 teknologi/ciptaan telah diberikan hak cipta dan 62 produk hasil ciptaan telah diberikan cap dagang (*trade mark*). Di samping itu, 3,556 penerbitan telah dihasilkan dan 304 anugerah telah diterima. Sebagai tambahan, skim pembiayaan R&D telah menghasilkan 450 penerima Doktor Falsafah, 664 penerima Sarjana, 470 penerima Sarjana Muda dan 208 penerima Diploma dari pelbagai bidang sains dan teknologi.

Selain itu, kemajuan aktiviti R&D negara juga boleh diukur melalui produk-produk yang berjaya dikomersialkan. Antara produk-produk yang telah berjaya dikomersialkan adalah:

(i) Tisu kultur untuk projek nanas bermutu tinggi oleh Agrovery Sdn. Bhd.

Projek ini menghasilkan variasi buah nanas yang berkualiti tinggi dan tahan penyakit. Ia dilaksanakan di sekitar kawasan Kuala Rompin, Pahang dan telah berjaya untuk membangunkan taraf sosio ekonomi komuniti orang asli Jakun. Buah nanas hasil projek ini boleh didapati di pasar raya tempatan di bawah jenama "Rompine";

(i) Tulang sintetik untuk aplikasi pembedahan oleh SIRIM Berhad

Tulang sintetik ini dihasilkan dari bahan kimia komersial tulen dan batu kapur Malaysia menggunakan Teknologi Reaksi Keadaan Pepejal. Ia digunakan di dalam pelbagai prosedur pembedahan seperti Ortopedik,

Trauma, ENT, Pergigian, Plastik dan Maksilofasial. Sebelum ini, proses pembedahan akan menggunakan tulang pesakit sendiri.

Berdasarkan keputusan klinikal, penggunaan tulang sintetik telah menunjukkan prestasi menggalakkan seperti tiada tindakbalas buruk, tidak menunjukkan reaksi keradangan, proses penyembuhan yang baik, tiada jangkitan dan tiada aduan kesakitan.

Produk ini kini dikomersilkan oleh GranuLab (M) Sdn. Bhd. melalui Perjanjian Perlesenan Teknologi dengan SIRIM Berhad; dan

(iii) Basikal Elektrik oleh Voltron Battery (M) Sdn. Bhd.

Projek ini menghasilkan basikal yang dibantu oleh kuasa elektrik (*Pedal Assisted Bicycle*). Entiti telah menambahbaik sistem *Coaxial Direct Drive Motor Technology* yang berupaya untuk memberi output terus dengan meningkatkan daya kilas (*torque*) bagi membantu kayuhan. Produk ini kini dikomersialkan dan dijual untuk pasaran tempatan dan jabatan kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 29.03.17
(RABU)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah elaun khas
Warga Angkatan Tentera yang bertugas di barisan hadapan
dipertingkatkan kepada RM100 sehari akan dilaksanakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Elaun khas warga Angkatan Tentera tiada dalam senarai Bayaran Insentif dan Elaun ATM. Walau bagaimanapun, kemungkinan elaun khas yang dimaksudkan adalah Bayaran Insentif Tugas Stesen Luar Pantai. Insentif ini dibayar kepada semua anggota ATM yang bertugas di Kepulauan Spartly, Laut China Selatan iaitu Stesen LIMA, Stesen MIKE, Stesen UNIFORM, Stesen PAPA dan Stesen SIERRA, Pulau Jarak, Pulau Perak, serta pos-pos di bawah OP PASIR dan stesen-stesen baru yang dibuka oleh Kerajaan.

Bayaran ini telah pun dikaji semula dan dinaikkan kadarnya sebanyak 100% iaitu dari RM8 sehari ke RM16 sehari mulai 1 Januari 2015. Kajian semula akan dilaksanakan mengikut kemampuan kewangan Kerajaan.

SOALAN (37)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 29 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL MANAN
BIN ISMAIL [PAYA BESAR]**

SOALAN :

YB DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek yang sudah disiapkan dan sedang disiapkan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan setakat mana ECER kekal menjadi destinasi pelaburan terutama menarik perhatian tenaga kerja mahir serantau.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 127 projek/ program telah diluluskan untuk dilaksanakan di ECER sejak tahun 2008 (dalam tempoh 8 tahun) sebagaimana berikut:

- a. RMKe-9 : 67 projek
- b. RMKe-10 : 44 projek
- c. RMKe-11(RP1 - 2016) : 16 projek

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 93 projek telah siap dilaksanakan dan 34 projek lagi berada dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Antara projek/ program yang telah siap dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Taman Biopolimer Kertih, Terengganu;
- b. Taman Automotif Pekan, Pahang;
- c. Pembangunan Pelancongan Warisan Pekan, Pahang;
- d. Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah, Pahang; dan
- e. Ladang Nanas Bersepadu Rompin, Pahang.

Manakala projek/ program yang sedang dalam pelaksanaan pula antaranya adalah seperti berikut:

- a. Peluasan Pelabuhan Kuantan, Pahang;
- b. Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MCKIP), Pahang;
- c. Pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan, Pahang;
- d. Taman Negeri Tasik Chini, Pahang;
- e. Ekopelancongan Endau Rompin, Pahang; dan
- f. Kuala Terengganu City Centre, Terengganu.

Sehingga akhir tahun 2016, ECER telah berjaya menarik pelaburan swasta berjumlah RM101 bilion (91.7%) berbanding sasaran 2020 (RM110 bilion). Di samping itu, 102,285 peluang pekerjaan baharu telah/ dijangka diwujudkan untuk rakyat di ECER di mana 69% daripadanya merupakan tenaga kerja mahir.

Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir ini, ECER *Talent Enhancement Programme* (ETEP) telah dilaksanakan melalui jalinan kerjasama dengan beberapa syarikat seperti HICOM Automotive Manufactures (M) Sdn Bhd, Kaneka (M) Sdn Bhd., MGV Industries Sdn. Bhd., Highplus Engineering Sdn. Bhd., MBM Dagang Sdn. Bhd.,

Polyplastics Asia Pacific Sdn. Bhd., BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd. dan Terengganu Silica Consortium Sdn. Bhd. dan sebanyak 323 peserta yang terlibat dan bakal menjadi pekerja mahir di Wilayah ECER.

Sekian, terima kasih.

29 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA
(BAKRI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.03.2017

Y.B. TUAN ER TECK HWA [BAKRI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pekerja, wang tunai, hutang dan aset yang diperoleh 1MDB di sini dan luar negara pada tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Selaras dengan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi, 1MDB mempunyai 35 orang pekerja pada 31 Disember 2015 dan 17 orang pekerja pada 31 Disember 2016.

Tuan Yang Dipertua,

Melalui penjualan aset syarikat Edra Global Energy Bhd, penjualan sebahagian ekuiti syarikat Bandar Malaysia Sdn Bhd dan penjualan

plot tanah di projek Tun Razak Exchange, 1MDB telah memperoleh tunai sebanyak RM10.97 bilion pada tahun 2015 dan 2016.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2015 dan 2016, 1MDB telah membayar balik sepenuhnya kesemua hutang seperti di bawah:

- i. RM229.5 juta Kemudahan Kredit Berputar (*Revolving Credit Facility*) dari Affin Bank dijelaskan sepenuhnya pada 23 November 2015;
- ii. RM950 juta Kemudahan Kredit Tersedia (*Standby Credit Facility*) dari Kerajaan Malaysia dijelaskan sepenuhnya pada 31 Mac 2016;
- iii. RM2 bilion Kemudahan Pinjaman Berjangka (*Term Loan Facility*) dari Marstan Investments N.V. dijelaskan sepenuhnya pada 8 April 2016; dan
- iv. USD150 juta Kemudahan Pembiayaan Berjangka (*Term Financing Facility*) dari EXIM Bank dijelaskan sepenuhnya pada 15 April 2016.

Pada masa ini, 1MDB tidak mempunyai sebarang hutang bank

atau hutang jangka masa pendek.

Tuan Yang Dipertua,

Oleh kerana Pelan Rasionalisasi 1MDB sedang dilaksanakan, tiada sebarang aset baharu di dalam atau di luar negara diperolehi pada tahun 2015 dan 2016.

SOALAN NO. : 39

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi hakisan pantai bagi tanah perkuburan Islam Pantai Bakam dan hakisan di Kampung Lajong Kuala Niah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada kajian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui *National Coastal Erosion Study 2015 (NCES 2015)*, keadaan hakisan di kawasan Kuala Sungai Niah dan Pantai Bakam berada di dalam kategori 3 (*Acceptable*) iaitu tidak memerlukan tindakan mendesak pada ketika ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa memantau keadaan hakisan di kawasan tersebut dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya berlaku hakisan yang boleh mengganggu keselamatan di kawasan tersebut pada masa akan datang. Kementerian akan memohon peruntukan yang sewajarnya dalam *Rolling Plan 3 RMKe-11* kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [AMPANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan ke mana perginya baki wang hasil penyenaian Felda Global Venture berjumlah RM4.3 billion seperti yang dinyatakan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Tan Sri Sharir Abdul Samad.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan kasar yang diterima oleh FELDA hasil daripada penyenaian Felda Global Ventures Holdings Berhad pada Jun 2012 adalah berjumlah RM5.99 billion.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran 'durian runtuh' kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

Bil	Perkara	RM Juta
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaian	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
Jumlah Perbelanjaan		4,308.90

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN HAJI AMAT WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 41

Datuk Sapawi Bin Haji Amat Wasali @ Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kadar kemalangan jalan raya di negara ini yang dikatakan mencatat peningkatan dari setahun ke setahun, dan adakah langkah-langkah yang diambil untuk menanganinya menepati sasaran Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut perangkaan yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), kadar kemalangan jalan raya di Malaysia telah meningkat daripada 489,606 kes pada tahun 2015 kepada 521,466 kes pada 2016 iaitu hampir 6.51% peningkatan.

Di bawah Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014-2020, Kerajaan amat komited terhadap usaha untuk mengubah sikap pengguna jalan raya di Malaysia supaya kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya dapat terus dikurangkan.

Pada Ops Tahun Baru Cina 2017 baru-baru ini, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan pemasangan kamera keselamatan di tujuh (7) lokasi yang dikenalpasti. Hasil dari pemasangan kamera tersebut telah memberikan impak yang positif dimana hanya dua (2) kemalangan yang dicatatkan dalam tempoh operasi berbanding 11 kemalangan bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, aktiviti rondaan oleh agensi penguatkuasa juga turut dipergiatkan bagi meningkatkan kadar *perception of being caught* (POBC) di kalangan pengguna jalan raya. Kajian yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia juga telah menunjukkan bahawa kadar POBC semasa musim perayaan Tahun Baru Cina 2017 telah menunjukkan peningkatan daripada 47.7% kepada 61.9%.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN ALICE LAU KIONG
YIENG [LANANG]**

TARIKH : MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membentangkan satu Rang Undang-undang Jenayah Seksual Kanak-kanak yang baru dan jika ada, apakah perkembangan Kerajaan dalam pembentangan rang undang-undang tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang Jenayah Seksual Kanak-Kanak telah selesai digubal dan bacaan pertama telah dibuat di Dewan Rakyat pada 28 Mac 2017.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
[RAUB]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta PERDANA
MENTERI menyatakan berapakah pendapatan FELDA setahun setelah
FGV mengambil alih operasi perniagaan FELDA dan berapakah
perbelanjaan FELDA per tahun sekarang.**

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melaksanakan pemakaian Piawaian Pelaporan Kewangan atau *Financial Reporting Standards* ("FRS") mulai tahun kewangan 2006 dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA3.1/2013 – Garis Panduan Untuk Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan tahunan yang diaudit. Seterusnya, FELDA telah mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran mulai tahun kewangan 2010 yang memerlukan pendedahan dalam Penyata Kewangan untuk mengambil kira nilai saksama (*fair value*). Nilai saksama merupakan anggaran rasional dan tidak berat sebelah daripada harga pasaran potensi yang baik, perkhidmatan atau aset. Anggaran ini mengambil kira penjejasan nilai apabila kos yang diakaunkan melebihi nilai saksama.

Berdasarkan kepada Penyata Pendapatan Bagi Tahun berakhir 31 Disember 2015, pendapatan FELDA adalah sebanyak RM1,023.8 juta. Manakala, jumlah perbelanjaan FELDA bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM1,773.1 juta.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HEE HOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Hee Hoy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Pengusaha teksi sedia ada saling bersaing dengan perkhidmatan Uber dan Grabcar; dan
- (b) Jumlah pengusaha teksi yang telah menghentikan operasi mereka sejak perkhidmatan Uber dan Grab diperkenalkan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Satu makmal khusus telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu dan permasalahan yang dihadapi oleh pemain industri teksi. Makmal berkenaan telah melibatkan semua *stakeholders* yang berkenaan, termasuk pemandu teksi sendiri, agensi-agensi Kerajaan, syarikat-syarikat teksi dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO).
2. Hasil daripada makmal berkenaan telah melahirkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) yang menyenaraikan 11 inisiatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama memberi fokus yang khusus terhadap keperluan dan kebajikan pemandu teksi.
3. Antara inisiatif tersebut ialah untuk mengawal selia perkhidmatan *e-hailing*, iaitu aktiviti tempahan perkhidmatan teksi atas talian melalui aplikasi pintar/mudah alih seperti UBER dan Grab sebagai perkhidmatan perantara di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Bagi tujuan ini, pindaan kepada undang-undang sedia ada akan dibentangkan di Parlimen pada mesyuarat pertama tahun ini.
4. Langkah kawal selia ini adalah untuk memastikan penggunaan teknologi membawa kesan yang positif bukan sahaja pemandu teksi, pemandu *e-hailing* dan penumpang, malah memberi ruang kepada

usahawan tempatan yang berminat untuk menerokai peluang dalam industri ini melalui pembangunan sistem aplikasi tempatan.

5. Pada masa yang sama, satu rangka polisi baru telah disediakan bagi memastikan pengendali perkhidmatan berkenaan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan memberi manfaat kepada pengguna dan juga pemandu. Ia juga bertujuan untuk memastikan penyelesaian yang adil dan saksama kepada semua pemain industri untuk bersaing secara lebih sihat.

6. Antaranya, penyedia perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Selain itu, prosedur sama yang perlu dipatuhi oleh pemandu teksi juga terpakai kepada semua pemandu *e-hailing*, seperti keperluan untuk memiliki Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD, pemeriksaan kenderaan serta proses saringan dan latihan yang akan ditetapkan. Melalui kaedah ini, kedua-dua perkhidmatan teksi konvensional dan juga *e-hailing* akan dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada orang awam.

7. Disamping itu, pemandu-pemandu teksi sedia ada juga disaran untuk memanfaatkan penggunaan teknologi dalam menyediakan perkhidmatan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan bersaing dengan pemberi perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BIN WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

SOALAN : 45

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Bin Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan sejauh mana komitmen Kementerian bagi membaiki kelajuan jaringan jalur lebar (Mbps) di Malaysia berikutan kedudukan ranking masih rendah meskipun berbilion ringgit telah dibelanjakan sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menetapkan sasaran untuk perkhidmatan komunikasi jalur lebar meliputi 95% kawasan berpenduduk. Bagi memastikan sasaran tersebut dapat dicapai, pihak Kementerian sedang melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (*High Speed Broadband* - HSBB) dengan menaik taraf 95 buah ibu sawat mulai tahun 2015 dan dijangka siap pada hujung tahun

2017. Perkhidmatan jalur lebar ini dijangka boleh mencapai kelajuan sehingga 100Mbps.

Selain daripada itu, pihak Kementerian juga melaksanakan naik taraf ibu sawat di pinggir bandar melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub Urban Broadband* - SUBB) bagi meningkatkan kelajuan Internet yang melibatkan naik taraf 421 buah ibu sawat yang mampu memberikan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan sehingga 20Mbps.

Bagi perkhidmatan mudah alih pula, Kerajaan turut memperluaskan liputan selular melalui pembinaan menara komunikasi baharu selain menaik taraf liputan 3G bagi menara komunikasi yang sedia ada.

Kerajaan juga telah menetapkan sasaran untuk mencapai 95% rakyat Malaysia mempunyai akses kepada Internet, 50% penduduk bandar dan 20% penduduk luar bandar mempunyai kelajuan jalur lebar 100Mbps menjelang 2020.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. ONG KIAN MING**
[SERDANG]

TARIKH : **29 MAC 2017**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan status terkini projek "solar farm" 1MDB di Kuala Ketil, harga penjualan elektrik kepada TNB, kontraktor EPC projek ini dan sebab projek ini tergendala lebih dari 2 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek '*solar farm*' di Kuala Ketil, Kedah merupakan salah satu aset tenaga 1MDB yang terlibat dalam pelan pemulihan syarikat dan telah dijual kepada syarikat baru iaitu *China General Nuclear Power Corporation* (CGN). Proses pertukaran hak milik dan jual beli projek mengambil masa setahun dan selesai sepenuhnya pada bulan Februari 2016. CGN menerusi anak syarikatnya Edra Solar Sdn. Bhd. telah meneliti semula cadangan pelaksanaan projek solar tersebut yang meliputi skop teknikal dan kewangan termasuklah harga jualan kepada TNB dan pelantikan kontraktor EPC.
2. *Solar farm* di Kuala Ketil, Kedah ini adalah berkapasiti 50MW. Kertas cadangan pelaksanaan projek telah dikemukakan kepada Kerajaan pada bulan Januari 2017. Beberapa mesyuarat rundingan telah diadakan berkaitan tarif jualan tenaga elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan masih belum

dimuktamadkan. Perkara ini dijangkakan akan dimuktamadkan pada akhir April 2017.

NO. SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 29 MAC 2017

SOALAN :

YB. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan prestasi pelancongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari segi bilangan pelancong yang tiba, pendapatan, aktiviti, penginapan dan langkah-langkah yang diambil untuk menarik minat para pelancong asing supaya lebih lama berada di Kuala Lumpur berbanding di kawasan lain.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Kajian Pemergian Pelawat Asing (DVS) yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia pada tahun 2016 dianggarkan 41.5% atau 11.1 juta pelancong asing di Malaysia telah melawati Kuala Lumpur.

Daripada jumlah tersebut, 90.1% telah menetap di hotel, 12.5% di *service apartment*, 8.1% di *guesthouse*, 6.4% di hostel, 5.1% di rumah kediaman saudara atau rakan dan lain-lain sebanyak 1.5%. Manakala, dianggarkan sebanyak RM26.5 bilion telah dibelanjakan oleh mereka semasa berada di Kuala Lumpur.

Kementerian sentiasa berusaha menarik minat pelancong asing untuk lebih lama berada di Malaysia termasuklah Kuala Lumpur bagi mempertingkatkan sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi negara. Sehubungan itu, beberapa langkah yang telah dikenalpasti oleh Kementerian untuk meningkatkan tempoh tinggal pelancong asing adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan promosi segmen kuasa beli tinggi (*high yield*) dengan memberi fokus kepada aktiviti seperti golf, membeli-belah, "wellness" dan "MICE";

- (ii) Memberi penekanan kepada perkongsian pintar dengan syarikat-syarikat penerbangan seperti Singapore Airlines, Emirates Airlines, Etihad Airways, KLM dan Turkish Airways dalam meningkatkan kemudahsampaian udara ke Malaysia, terutamanya di pasaran jarak jauh yang tiada perkhidmatan Malaysia Airlines dengan mengambil peluang rangkaian penerbangan yang luas di pasaran Eropah oleh syarikat-syarikat penerbangan berkenaan.

Selain itu, promosi pada pasaran jarak dekat dan sederhana turut diberi penekanan seperti Bangladesh, Filipina, India, Iran, Jepun, Sri Lanka, Taiwan dan Vietnam melalui syarikat-syarikat penerbangan negara tersebut seperti Biman Bangladesh Airlines, Air India, China Airlines dan Sri Lankan Airlines dan juga melalui syarikat-syarikat penerbangan Malaysia seperti Malaysia Airlines, Air Asia dan Malindo Air;

- (iii) Mengkomersialkan budaya dan warisan seperti persembahan teater dan tarian di Istana Budaya serta mengadakan persembahan kebudayaan, penjualan kraftangan dan sebagainya di Pusat Pelancongan Malaysia, MaTiC, Kuala Lumpur;
- (iv) Menjadikan Malaysia khususnya Kuala Lumpur sebagai tempat pembikinan filem antarabangsa contohnya filem 'Kabali' dari India (2016), drama 'On The Way to The Airport' dari Korea (2016) dan sebagainya;

- (v) Mewujudkan pakej-pakej bersesuaian sempena sukan SEA Games yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia dan ulangtahun ke-50 ASEAN pada tahun 2017; dan
- (vi) Promosi di luar negara melalui pengiklanan, kempen taktikal dan penyertaan dalam pameran-pameran antarabangsa seperti ITB Berlin, WTM London, ATM Dubai, ATF, PATA Travel Mart dan sebagainya bagi mempromosikan Malaysia khususnya Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [KUALA
KRAI]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

NO. RUJUKAN :

SOALAN:

**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI SUMBER ASLI
DAN ALAM SEKITAR menyatakan :**

- (a) senarai projek-projek tebatan banjir sepanjang Sungai Kelantan di Kuala Krai yang diputuskan dalam pembentangan Bajet 2016; dan
- (b) status projek tebatan banjir di Kuala Krai tersebut sehingga kini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe -11), Kerajaan akan melaksanakan Pembangunan Lembangan Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 yang merangkumi komponen Rancangan Tebatan Banjir dengan peruntukan sebanyak RM500 juta. Walau bagaimanapun, di Kuala Krai ianya tidak termasuk dalam PLSB berkenaan tetapi JPS melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan sungai yang meliputi skop kerja penstabilan tebing sungai yang impaknya menjurus kepada pengurangan banjir.

- b) Kerja-kerja penstabilan tebing akan dilaksanakan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 29 MAC 2017 (RABU)

SOALAN:

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]
minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) apakah langkah-langkah kukuh dan berkesan yang akan dilaksanakan oleh semua agensi dan badan milik Kerajaan berkenaan dalam memantapkan usaha dakwah selain daripada berceramah di majlis-majlis dan tempat-tempat tertentu sahaja, sedangkan pengikutnya adalah mereka yang sudah memang sedia beragama Islam; dan
- (b) dalam tempoh 5 tahun dari tahun 2012 hingga 2016 berapa ramai orangkah yang telah memeluk agama Islam hasil gerakan dakwah Kerajaan. Bukan kerana dipaksa oleh syariat seperti bernikah contohnya.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Dalam usaha memantapkan gerak kerja dakwah kepada umat Islam, Kerajaan telah memperkemas sistem pengurusan dasar, fatwa, garis panduan dan sumber rujukan berkaitan hal ehwal Islam sebagai panduan. Langkah ini berperanan memandu pemikiran dan tindakan umat Islam agar berfungsi di atas landasan kesederhanaan, kesantunan dan kesatuan dengan matlamat ke arah kemajuan dan pembangunan negara yang seimbang sesuai dengan kehendak dan tuntutan semasa. Justeru, Kerajaan juga telah memperkenalkan konsep Wasatiyyah yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang sebagai pemangkin kepada Gagasan 1Malaysia melalui penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM).

Kerajaan juga mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Perundingan Islam (MPI) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Penubuhan MPI ini merupakan kesinambungan daripada penyusunan semula Badan Perunding Islam (BPI) yang diwujudkan pada tahun 1982. Penubuhan badan ini bertujuan untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan terhadap agensi pembangunan negara khususnya dalam pengurusan hal ehwal Islam.

Kerajaan juga sentiasa mengadakan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan *Government Linked Corporation (GLC)* dalam usaha

untuk mendekati masyarakat bagi menyampaikan dan memberikan kefahaman berkenaan dakwah Islam.

Usaha Pemantapan dakwah juga kepada masyarakat Islam dijalankan melalui program-program televisyen dan radio yang menampilkan rancangan yang berkaitan dengan Islam seperti Forum Perdana Ehwat Islam dan rancangan-rancangan yang lain di media cetak atau elektronik. Di samping itu, peranan tersebut turut dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) mengikut fungsi dan peranan masing-masing.

b) Berhubung dengan bilangan orang yang telah memeluk agama Islam, dimaklumkan bahawa pendaftaran masuk Islam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) masing-masing sebagaimana bidang kuasa yang termaktub dalam Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagan Persekutuan. Oleh itu, maklumat yang tepat bagi bilangan orang yang memeluk Islam hendaklah dirujuk kepada JAIN/MAIN masing-masing. Bagi Wilayah Persekutuan, berdasarkan rekod Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), bilangan yang memeluk agama Islam bagi tempoh 2012–2016 adalah seramai 3,815 orang.

Sekian, terima kasih.